



اَوْنِيُو تِكْنُوْلُوْجِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 13

OKTOBER 2024

# BULETIN APB

*Global  
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Mendepani Pendidikan Global: Cabaran Mobiliti Sosial

**MOHD NUR FITRI MOHD SALIM, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF**

**UiTM KAMPUS SEREMBAN**

**MOHAMAD SAFWAT ASHAHRI MOHD SALIM**

**UiTM KAMPUS TAPAH**

Kebolehan sesebuah masyarakat untuk bergerak maju dalam arus pemodenan dunia jelas mempunyai perkaitan yang kuat dengan kebolehan setiap individu masyarakat dalam menongkah cabaran mobiliti sosial. Mobiliti sosial adalah suatu konsep pergerakan seseorang atau sesuatu kumpulan manusia merentasi hierarki masyarakat. Kepelbagaian pengaruh dalam hierarki masyarakat mampu mempengaruhi keupayaan mereka untuk meraih peluang dalam kehidupan mereka. Ahli sosiologi tersohor, Pitirim Sorokin (1889 – 1968) mengupas persoalan mobiliti sosial ini dengan lebih mendalam. Secara teori, beliau mengenalpasti wujudnya stratifikasi sosial dalam masyarakat yang membahagi setiap individu atau kumpulan masyarakat ke dalam kelas-kelas sosial yang tertentu. Kewujudan stratifikasi dan keinginan untuk bergerak daripada satu kelas ke kelas yang lain telah mewujudkan konsep pergerakan dalam masyarakat yang didefinisikan sebagai mobiliti sosial.

Bagi mendepani usaha untuk menangani cabaran mobiliti sosial ini, pendidikan global dilihat sebagai salah satu aspek terpenting yang dapat memangkin pergerakan tersebut. Sudah tentu, dalam era globalisasi ini, pendidikan juga turut dilihat sebagai salah satu cabang yang berperanan dalam menghubungkan kepelbagaian maklumat daripada segenap lapisan masyarakat. Sarah Balistreri et al. (2012) dalam buku mereka yang bertajuk *Global Education: Connections, Concepts and Careers* membincangkan isu kepelbagaian maklumat dan kesalinghubungan yang wujud dalam bidang sosial, ekonomi dan budaya. Mereka menyatakan bahawa kesalinghubungan yang wujud ini berlaku dalam setiap aspek pendidikan serta memerlukan penekanan yang wajar bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dalam masa yang sama memberi refleksi sebenar kepada keperluan semasa masyarakat.

Oleh itu, adalah wajar untuk kita membincangkan pendidikan global daripada sudut keupayaannya untuk memangkin mobiliti sosial dalam kalangan ahli masyarakat. Keperluan suatu sistem pendidikan yang inklusif dan adil perlu diwujudkan dan dikekalkan agar peluang sama rata dapat diwujudkan bagi semua tanpa mengira latar belakang masyarakat. Ini penting bagi memastikan potensi setiap individu dalam negara ini dapat dibangunkan, dipupuk dan dituai sebaik mungkin. Sudah tentu jika ini berlaku, negara akan menerima limpahan faedah yang akhirnya menyumbang kepada pembangunan negara.



Isu pendidikan global ini turut dibincangkan oleh Molina dan Lattimer (2013) dalam kertas kerja mereka yang bertajuk *Defining Global Education*. Kajian mereka menunjukkan pelbagai perkara berkaitan dengan perubahan dalam sistem pendidikan dalam penyediaan sumber dan program pendidikan di Amerika Syarikat yang diolah untuk membantu para pelajar berasimilasi dengan keperluan pendidikan sedunia. Ini meliputi usaha merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang mementingkan integrasi intipati antarabangsa dalam kurikulum dan kokurikulum. Ia turut memberi fokus kepada kompetensi guru dan penggunaan teknologi yang bersesuaian.

Ini membolehkan para pelajar menyesuaikan diri dalam perkembangan pesat keperluan masyarakat dunia justeru memastikan diri mereka kekal relevan dalam keperluan masyarakat dan negara. Jelas, pemerhatian Pitiram Sorokin dalam membincangkan isu mobiliti sosial dapat dilihat apabila akses kepada pendidikan yang wajar menjadi kunci kepada seseorang untuk mendapatkan kejayaan dalam hidup sekaligus memperbaiki status sosialnya.

Melihat kepada konteks tempatan, usaha mengemudi pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan global dapat dilihat dalam usaha pengantarabangsaan dan pengukuhan jaringan pendidikan terutamanya dalam pendidikan tinggi negara. Kerjasama di antara institusi dalam dan luar negara dalam program hub pendidikan tinggi global contohnya, telah memberi kesan positif dalam ruang pendidikan global di Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) turut mengutamakan usaha yang menyumbang kepada perkembangan pendidikan global negara seperti transformasi pembelajaran digital. Mohamed Nazul (2020) dan Hasin et al. (2022) turut membincangkan isu ini dengan memberi penekanan mengenai kualiti pendidikan yang diberikan harus selari dengan piawaian kualiti global yang digunakan sebagai penanda aras aspek pendidikan tersebut.

Melihat kepada konteks tempatan, usaha mengemudi pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan global dapat dilihat dalam usaha pengantarabangsaan dan pengukuhan jaringan pendidikan terutamanya dalam pendidikan tinggi negara. Kerjasama di antara institusi dalam dan luar negara dalam program hub pendidikan tinggi global contohnya, telah memberi kesan positif dalam ruang pendidikan global di Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) turut mengutamakan usaha yang menyumbang kepada perkembangan pendidikan global negara seperti transformasi pembelajaran digital. Mohamed Nazul (2020) dan Hasin et al. (2022) turut membincangkan isu ini dengan memberi penekanan mengenai kualiti pendidikan yang diberikan harus selari dengan piawaian kualiti global yang digunakan sebagai penanda aras aspek pendidikan tersebut.

Oleh itu, selain melihat isu pendidikan global sebagai usaha untuk memberi pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang setara dengan komuniti global dari sudut teknologi, kerjasama institusi, pengantarabangsaan kurikulum dan nilai global, fokus juga harus diberikan kepada sudut kebolehannya untuk mencetus mobiliti sosial yang positif kepada setiap individu dalam masyarakat setempat. Ini akan memberi refleksi positif terhadap intipati sebenar globalisasi pendidikan, iaitu peningkatan taraf hidup insan.

## Rujukan

- Balistreri, S., Di Giacomo, F. T., Noisette, I., & Ptak, T. (2012). *Global education: Connections, concepts, and careers* (Research in Review 2012-4). CollegeBoard
- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Mohd Yusoff, K., & Ab Rahman, M. R. (2022). Issue and challenge on national of digital learning in post-Covid-19: Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23–32
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*
- Mohamed Nazul Ismail. (2020). Cabaran kepimpinan dalam pengurusan pembelajaran digital. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*, Jilid III
- Mohd Salim, M. S. A., Adnan, A. H. M., Shah, D. S. M., Tahir, M. H. M., & Yusof, A. M. (2020). The Orang Asli in Malaysian formal education: Orang Asli teachers' sentiments and observations. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 5(1), 57-64.
- Molina, S., & Lattimer, H. (2013). Defining global education. *Policy Futures in Education*, 11(4), 414–422. <https://doi.org/10.2304/pfie.2013.11.4.414>
- Sorokin, P. A. (1959). *Social and cultural mobility*. The Free Press.
- Torraco, R. J. (2022). Interconnectedness in education systems. *Systems Research and Behavioral Science*, 39(2), 141-157